



Naib Canselor TERIMA ANUGERAH DI MUMBAI

Dari Meja Ketua Pengarang

“Work professionally is always rewarding, at least internally”

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Perak Aman Jaya.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana kita diberi kesempatan bertemu dalam Buletin INSPIRASI Edisi Mac 2014. Saya mengucapkan sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh Sidang Redaksi yang telah berganding bahu bagi menjayakan keluaran INSPIRASI kali ini.

Penerbitan buletin ini tentunya dapat menyampaikan maklumat dan informasi tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh warga Universiti Pendidikan Sultan Idris. Semuga usaha ini mampu mencerminkan komitmen dan kesungguhan setiap warga UPSI dalam merealisasikan visi dan misinya.

Terbitan pertama untuk tahun ini memberi fokus khusus kepada pencapaian cemerlang warga UPSI sepanjang tahun 2013 yang lalu. Tahun 2013 telah berlalu dengan penuh memori, suka-duka dan pahit-manis warga UPSI dalam menggapai kecemerlangan dan menerajui kepimpinan pendidikan. Adalah diharapkan agar kompilasi kejayaan ini akan menjadi pencetus semangat kepada warga UPSI untuk mencipta lebih banyak kecemerlangan di masa akan datang.

Saya mendoakan semuga semua warga UPSI terus cemerlang dan komited dalam merealisasikan impian universiti untuk menjadi “The Leading Education University in Asia by 2020.”

“Pencetus Transformasi,
Membina Reputasi”

DR. HAJAH ZAINAB
OTHMAN



Sidang Editorial

Penaung

Profesor Dato' Dr. Zakaria Kasa

Penasihat

Profesor Dato' Dr. Noraini Idris

Ketua Editor

Dr. Hj. Zainab Othman

Sidang Editor

Ghazali Din

Dr. Intan Safinas Mohd Ariff AlBakri

Ikmal Redzuan Mohd Isa

Azlan Al-Hafiz Mazlan

Mohd Halim Mat Zaki

Sajarutul Nor Kasim

Faridah Hanim Aziz@Adan

Jurufoto

Fisol Ahmad

Nurul Hasniza Mohd Rashid

Shahidah Abu Hassan

Laman Sesawang

Mohamad Azrie Hussin

Cetakan & Edaran

Inspirasi diterbitkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan artikel yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Kami mengalu-alukan sumbangan seperti berita, rencana dan karya kreatif untuk dimuatkan dalam *Inspirasi* dan boleh dikirimkan secara e-mel sajarutul@upsi.edu.my atau ccd@upsi.edu.my.

KANDUNGAN

Antarabangsa

Naib Canselor Sentuh Transformasi Pendidikan Negara Di Mumbai

UPSI Jayakan ARPUE Ketiga

UPSI Tandatangani MoU Dengan 19 IPT Dari Lima Negara

13 MoU/MoA dengan Institusi/ Agensi Luar Negara

Namibia Pilih UPSI Hantar Pelajar Lanjut Pengajian

UPSI Tandatangani Dua MoU Di Thailand

MoU/MoA dalam Negeri

Sebelas MoU/MoA Dengan Institusi/ Agensi Luar Negara

Program Penghijauan Bumi

UPSI Terima Geran RM1.5 Juta Kaji Obesiti

UPSI-MARA Kukuhkan Kerjasama

Penyelidikan dan Inovasi

Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi

Pencapaian Kakitangan

Dr. Amin Terima Anugerah Sukan

Dr. Suriani Terima Anugerah L'oreal-UNESCO Penyelidikan Kolagen Dr. Ismail Zainol Harumkan UPSI

128 Terima Anugerah Khidmat Cemerlang

Mesmerize Johan KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Perak 2013 (Kategori Pengurusan)

Edu-Ineri 2013 Medan Pamer Hasil Penyelidikan Pendidikan

IPM Terima Empat Anugerah Buku Negara 2013

Pencapaian Pelajar

Anugerah Ketrampilan Tingkat Motivasi Pelajar

UPSI Juara Zon Tengah Liga IPT 2013

Kolej Aminuddin Baki Johan Keseluruhan Festival Kesenian & Kebudayaan Kolej-Kolej Kediaman Universiti Pendidikan Sultan Idris

Pelantikan MPP Sesi 2013/2014

Atlet Silat Cemerlang Di Melaka

Alumni

Senarai Chapter Alumni UPSI

Majlis Rasmi Universiti

Kayuh Basikal Didik Pembayar Cukai

Sambutan Martabatkan Bahasa Melayu

Perak Expo For Young Scientist 2013 Rangsang Budaya Sains dan Inovasi

Kompleks NCDRC Perkasa Pembelajaran, Penyelidikan

Tan Sri Zakri

Pro-Canselor Baharu UPSI

UPSI - Prof. Emeritus Dato' Sri Dr. Zakri Abdul Hamid telah dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang baharu. Perlantikan beliau telah diperkenan oleh Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim dalam Majlis Istiadat Konvokesyen UPSI ke-15 yang diadakan pada 10 hingga 13 September 2013 bertempat di Dewan Besar, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Dato' Sri Dr. Zakri yang juga Pengerusi Majlis Profesor Negara merangkap Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Malaysia telah memperoleh pelbagai kejayaan yang cemerlang dalam bidang sains sebagai penyelidik, pendidik, pentadbir dan diplomat.

Di persada antarabangsa beliau pernah menjawat jawatan Setiausaha Agung Persatuan Kemajuan

Penyelidikan Pembiakan di peringkat Asia dan Oceania (1981–1989) manakala di peringkat kebangsaan, beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Dasar Kepelbagaian Biologi (1994–1998), Presiden Pengasas Persatuan Genetik Malaysia (1994–2000) dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik Negara (1996–2000).

Beliau adalah ahli dan bekas Naib Presiden Akademi Sains untuk Dunia Sedang Membangun (TWAS), sebuah organisasi antarabangsa bebas berpangkalan di Trieste, Itali, yang merupakan perkumpulan 1000 saintis terkemuka termasuk beberapa penerima hadiah Nobel Laureates.



Naib Canselor Sentuh Transformasi Pendidikan Negara di Mumbai

Oleh: Ghazali Din

Mumbai-Bersempena Kongres Pendidikan Sedunia Ke-13 yang berlangsung di Taj Lands End, Mumbai pada 28 Jun 2013, Naib Canselor, Prof Dato' Dr. Zakaria Kasa yang juga Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Majlis Profesor Negara (MPN) dianugerahkan Anugerah Kepimpinan Pendidikan berikutan sumbangan besarnya dalam bidang pendidikan di negara ini.

Selain itu beliau diberi penghormatan membentangkan kertas kerja bertajuk *'Education Transformation in Malaysia'* yang antara lain menyatakan Malaysia memberi keutamaan kepada sektor pendidikan kerana melaluinya membolehkan rakyatnya merebut pelbagai peluang yang ada di pentas global.

Dengan 28 juta penduduk, katanya, kerajaan Malaysia menetapkan rakyatnya wajib melalui pendidikan peringkat persekolahan selama 11 tahun.

Beliau berkata kerajaan membina lebih 10,000 sekolah untuk menampung seramai lima juta pelajar manakala 40 peratus daripadanya berpeluang mengikuti pengajian tinggi.

Justeru, katanya, kerajaan Malaysia memperkenalkan transformasi dalam pendidikan dengan harapan sistem pendidikan Malaysia berjaya melahirkan warga negara yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

"Sistem pendidikan yang terancang dengan menekankan aspek kualiti mampu melahirkan modal insan yang berbakat besar dan berdaya saing.

"Pembangunan negara dari segi fizikal, sosial dan ekonomi dengan pelbagai kaum dapat merealisasikan impian menjadikan Malaysia sebagai destinasi pendidikan bertaraf antarabangsa", katanya pada kongres bertemakan *"Teaching & Learning for Meaning in a Globalized World"* itu.

Beliau berkata sebagai sebuah negara yang rakyatnya berbilang kaum, sistem pendidikan di Malaysia dicerminkan oleh kepelbagaian budaya dan bahasa melalui pelbagai medium pengajaran dari peringkat rendah, menengah hingga pengajian tinggi.

"Hasilnya, sistem ini menghasilkan pelajar yang mempunyai keupayaan berbahasa dan berkomunikasi sekali gus membolehkan mereka meneroka peluang pembelajaran dan perniagaan di negara-negara seperti China, Eropah, India

dan negara-negara di Timur Tengah.

Beliau berkata Pelan Transformasi Pendidikan dan *Malaysia Education Blueprint 2013-2025* merangkumi sekolah dan pengajian tinggi menepati aspirasi Sistem Pendidikan Malaysia termasuk akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan yang mencapai tahap pemikiran tinggi, kemahiran kepimpinan serta kebolehan menguasai dwibahasa selaras dengan keperluan pelajar yang akan bersaing di peringkat global.

Kongres yang berlangsung selama dua hari yang membincangkan isu pendidikan global itu adalah anjuran Majlis Penasihat Global (*Global Advisory Council*) yang berpusat di Mumbai, India.

Turut menyampaikan syarahan pada kongres itu antaranya Menteri Pendidikan Republik Trinidad and Tobago, Dr Tim Gopeesingh; Menteri Pendidikan, Sukan dan Kebudayaan Samoa, Magele Mauiliu Magele; Menteri Pendidikan Republik Maldives, Dr. Asim Ahmed; Mantan Menteri Pendidikan Burundi, Dr Saidi Kibeya; Menteri Pendidikan, Sains dan Teknologi Sierra Leone, Dr Minkailu Bah; Timbalan Menteri Pendidikan Arab Saudi, Dr Rashid Alghayadh; Mantan Menteri Pendidikan Libya, Suliman Ali Elshahli; Menteri Pendidikan Bostwana, Pelonomi Venson-Moitoi; Menteri Pendidikan Republik IslamAfgha-nistan, H.E. Mr. Ghulam Farooq Wardak serta Presiden The Kingdom University, Prof. Dr. Yousef Abdul Ghaffar.



Prof. Dato' Dr. Zakaria menerima Anugerah Kepimpinan Pendidikan selepas membentangkan kertas kerja di Kongres Pendidikan Sedunia Ke-13 yang berlangsung di Taj Lands End, Mumbai pada 28 Jun 2013

UPSI JAYAKAN ARPUE KE-3

Oleh : Ghazali Din

Pada 22 Mei 2009, Persidangan Meja Bulat Presiden/Rektor/Naib Canselor Universiti-Universiti Pendidikan Asia (ARPUE) buat kali pertama kalinya diadakan di Hong Kong Institute of Education (HKIED) yang disertai 30 orang Presiden/Rektor/Naib Canselor Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi di Asia. Persidangan yang bertemakan "Universities of Education: Transforming Future Learning in Asian Societies", antara lain bertujuan untuk mewujudkan jaringan hubungan dua hala di antara negara-negara anggota dan juga bagi menyokong inisiatif-inisiatif pembangunan pendidikan.

Berikutan kejayaan itu, Hong Kong Institute of Education (HKIED) selaku tuan rumah sekali lagi menganjurkan Persidangan Meja Bulat kali Ke-2 yang telah diadakan pada 3 November 2011. Persidangan bertemakan "Envisioning the Future Asian Universities of Education" itu membuktikan kesungguhan pihak Institusi-Institusi Pendidikan berkenaan untuk terus memajukan pengetahuan dalam semua aspek pendidikan serta menggalakkan penyelidikan ilmiah berkaitan pengajaran dan pembelajaran pendidikan guru berlaku di semua peringkat.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diberi penghormatan mengendalikan Persidangan Meja Bulat ketiga dengan tema "Empowering Change in Education". Persidangan berlangsung pada 7 November 2013 di Dewan Konvensyen E-Learning,

UPSI, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Tanjong Malim, Perak membabitkan seramai 40 peserta dari negara anggota. Kehadiran dari institusi dalam negara pula adalah terdiri daripada Majlis Dekan Fakulti Pendidikan IPTA dan juga Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Persidangan menyaksikan Profesor Dr Lee Sing Kong daripada National Institute of Education, Singapura dan Timbalan Pengerusi Majlis Profesor Negara, Malaysia, Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharudin. Sebagai pembentang utama Persidangan membincangkan aspek-aspek perubahan dalam pendidikan yang meliputi penambahbaikan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, perancangan tenaga kerja untuk menangani isu-isu pendidikan yang berterusan, pendekatan inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran serta pendekatan-pendekatan baru dalam mengharungi cabaran dalam kepimpinan dan pengurusan pendidikan.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata platform itu bertepatan dengan hasrat membawa perubahan dalam bidang pendidikan. Dapatan daripada persidangan ternyata menyokong perubahan dalam sistem pendidikan di negara masing-masing. Persidangan turut memberi manfaat kepada UPSI khususnya dalam usaha pemerkasaan ke arah menjadikannya "Leading Education University" di Asia Tenggara pada tahun 2015 dan di peringkat Asia menjelang tahun 2020.



3rd ASIAN ROUNDTABLE OF PRESIDENTS OF UNIVERSITIES OF EDUCATION
7th NOVEMBER 2013
CONVENTION HALL, E-LEARNING BUILDING
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY





Persidangan Meja Bulat Presiden/Rektor/Naib Canselor Universiti-Universiti Pendidikan Asia (ARPUE)





UPSI Tandatangan MoU Dengan 19 IPT Dari Lima Negara

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (FPPM) mencipta sejarah apabila menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama 19 institusi pengajian tinggi dari lima negara iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Brunei dan Australia.

Sempena *International Conference On Special Education 2013* yang berlangsung di Kuala Lumpur, ditubuhkan Consortium of Asia-Pacific Education University (CAPEU) atau Konsortium Pendidikan Asia-Pacific. Berikutan itu satu majlis menandatangani MoU diadakan di Dewan Konvensyen UPSI yang membabitkan 19 universiti yang diwakili pengurusan tertingginya.

Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa dalam ucapannya berkata, "melalui CAPEU, ahli akan membina kerjasama kerjasama dalam pertukaran latihan mengajar, penyelidikan dan perkhidmatan pendidikan, program sabbatical serta pertukaran pelajar".

Sementara itu Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Prof. Dr. Morshidi Sirat dalam berkata kerjasama dalam mendepani isu pendidikan melalui konsortium yang bakal ditubuhkan membabitkan beberapa universiti di Indonesia termasuklah Universiti Pendidikan Bandung pernah dibincangkan sebelum ini. Terdahulu mesyuarat pusingan pertama diadakan di Kuala Lumpur pada 23 April 2013.

Pada majlis yang sama, Timbalan Duta Besar Indonesia di Malaysia, Dr. Mulya Wirana berkata

"melalui konsortium berkenaan dapat diadakan kerjasama pertukaran pelajar, penerbitan jurnal dan penyelidikan bersama". "Kami bangga kerana 2.5 juta rakyat Indonesia bekerja di negara Malaysia dan 16 ribu belajar di Malaysia di semua IPTA di negara ini, dan lebih 50 peratus pekerja di Indonesia mendapat pendedahan akademik di Malaysia," katanya.

Majlis berakhir dengan Prof. Dr. Morshidi melancarkan laman web CAPEU yang boleh dilayari di <http://www.capeu.upsi.edu.my> diikuti perisytiharan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris yang menyampaikan maklumat berkaitan peranan CAPEU serta sumbangan UPSI dalam penyelidikan pendidikan.

Hadir sama ialah Pro-Canselor UPSI, Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad dan Pendaftar UPSI, Datuk Rusley Taib.



1 MOU/MOA DENGAN INSTITUSI/ AGENSI LUAR NEGARA

- 1 MoU UPSI dengan Universitas Negeri Yogyakarta (UNY) pada 6 Februari 2013.
- 2 MoU UPSI dengan Malikusaleh University Lhokseumawe, Aceh, Indonesia, pada 25 Mac 2013.
- 3 MoU UPSI dengan Cot Kala Islamic Institute, pada 26 Mac 2013.
- 4 Majlis Menandatangani MoU Konsortium Universiti Pendidikan Asia Pasifik (CAPEU) pada 23 April 2013, di Dewan Konvensyen E-Learning UPSI. Naib Canselor UPSI dilantik sebagai Presiden Pertama CAPEU sehingga tahun 2015.
- 5 MoU UPSI dengan Prince of Songkla University (PSU), pada 24 April 2013.
- 6 MoU UPSI dengan dengan Sekolah Tinggi Keguruan dan Ilmu Pendidikan Pasundan pada 7 Mei 2013, di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori, UPSI.
- 7 MoU UPSI dengan Thaksin University (TSU), Thailand pada 6 Jun 2013.
- 8 MoU dan MoA UPSI dengan ALKEM Company (S) Pte. Ltd., Singapura pada 13 Jun 2013.
- 9 MoA UPSI dengan Namibia Students Financial Assistance Fund (NSFAF) apda 15 Julai 2013.
- 10 MoU UPSI dengan The Vocational Institute, Southern Region 3, Office of Vocational Education Commission (OVEC), Thailand pada 18 September 2013.
- 11 MoU UPSI dengan Sungaiko-Lok Industrial and Community Education College, Office of Vocational Education Commission (OVEC) pada 18 September 2013.

Majlis Menandatangani MoU Konsortium Universiti Pendidikan Asia Pasifik (CAPEU) pada 23 April 2013, di Dewan Konvensyen E-Learning UPSI. Naib Canselor UPSI dilantik sebagai Presiden Pertama CAPEU sehingga tahun 2015.



MoU UPSI dengan dengan Sekolah Tinggi Keguruan dan Ilmu Pendidikan Pasundan pada 7 Mei 2013, di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori, UPSI.



MoU dan MoA UPSI dengan ALKEM Company (S) Pte. Ltd., Singapura pada 13 Jun 2013.



Namibia Pilih UPSI Hantar Pelajar Lanjut Pengajian

Kerajaan Namibia memilih Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk menghantar seramai 40 pelajarinya melanjutkan pengajian peringkat ijazah pertama sebagai langkah menyediakan guru berkualiti dan mahir untuk berkhidmat di negara berkenaan.

Hasrat itu disampaikan Menteri Pendidikan Namibia, Dr. David R Namwandi pada majlis pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) antara UPSI dan Namibia Students Financial Assistance Fund.

Pada majlis itu menyaksikan MoA ditandatangani oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa manakala Namibia diwakili dutanya ke Malaysia, Gebhard B. Kandanga.

Dr. David berkata Namibia akan menghantar kumpulan pertama pelajar negara itu bagi mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Teknologi Maklumat) selama empat tahun di UPSI mulai ambilan September 2013.

"Kami memilih UPSI kerana kami ingin melahirkan lebih ramai guru yang akan mengajar bidang Teknologi Maklumat di sekolah-sekolah di Namibia dan UPSI mempunyai fasiliti yang lengkap," katanya.

Beliau berkata UPSI dan Malaysia adalah pilihan yang tepat dalam memastikan Namibia dapat meningkatkan sistem pendidikan kerana pencapaian bidang pendidikan Malaysia amat baik.

Sementara itu Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata UPSI bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk memperkukuh dan mewujudkan pengantarabangsaan bidang pendidikan.

"Perkongsian ini satu peluang bagi Malaysia untuk memupuk hubungan baik dengan Namibia dalam bidang latihan dan pembangunan guru dan memberi peluang bagi bakal guru membuat kajian di luar Negara."

"UPSI akan membantu merealisasikan teras kelima dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) ke arah menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan antarabangsa dalam pengajian tinggi."

Justeru, sehingga kini UPSI mewujudkan kerjasama dengan 21 universiti di luar negara iaitu Indonesia, Korea Selatan, China, Jepun, Filipina, Amerika Syarikat, United Kingdom, Thailand, Sri Lanka, Brunei Darussalam, Uzbekistan, Kazakhstan, Jordan, Singapura, Turki, Nigeria, Pakistan, Libya,

Iraq, Iran, Syria dan baru-baru ini bersama Vietnam dan Australia.

Menurut beliau kini UPSI mempunyai 260 pelajar antarabangsa yang belajar secara sepenuh masa, separuh masa atau pertukaran pelajar membabitkan 116 pelajar ijazah pertama, 67 Sarjana dan 77 sedang mengikuti pengajian peringkat doktor falsafah.

Hadir sama pada majlis itu Pro-Canselor, Tan Sri Datuk Seri Dr. Yahaya Ibrahim; Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Datuk Seri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Omar Abdull Kareem; Pendaftar, Datuk Rusley Taib serta Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Dr. Suriani Abdul Hamid.

Sementara itu Timbalan Menteri Pendidikan Kedua, P Kamalanathan berkata Malaysia berhasrat menjadi pusat kecemerlangan pengajian tinggi peringkat antarabangsa.

Katanya, Malaysia menyasarkan 150,000 pelajar asing pada 2015 dan 200,000 pelajar menjelang 2020 di semua IPT tempatan tambah beliau bagi mencapai sasaran itu semua IPT di negara ini perlu meningkatkan kualiti dari aspek pengurusan, pendidikan serta tajaan untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa bagi menarik minat pelajar dari luar negara.

"Dengan termeterainya MoA pada hari ini, saya yakin UPSI adalah sebuah universiti yang menawarkan program yang dapat menarik perhatian pelajar antarabangsa."



Prof. Dato' Dr. Zakaria (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Gebhard B. Kandanga sambil diperhatikan oleh Y.B Kamalanathan (tiga dari kiri), David (tiga dari kanan), Tan Sri Abi Musa (kanan) dan Tan Sri Yahaya (kiri).



UPSI Tandatangan 2 MoU di Thailand



Prof. Dato' Dr. Zakaria (dua dari kanan) dan Dato' Rusley (kanan) menandatangani MoU sambil disaksikan Tan Sri Abi Musa Asa'ari (tiga dari kanan).

Hatyai, Thailand - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memperkasakan program pengantarabangsaan dengan mengadakan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama dua institusi pendidikan teknikal yang beroperasi di Selatan Thailand pada 18.11.2013

Pengurusan tertinggi UPSI dan kakitangan akademik dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) menandatangani MoU dengan Hatyai Technical College (HTC), Hatyai, Thailand, sebuah kolej teknik terbesar di Selatan Thailand dengan kapasiti kira-kira 5,000 orang pelajar.

MoU pertama menyaksikan UPSI diwakili Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa manakala HTC diwakili Prasert Kaewpetch, Presiden The Vocational Institute Council, Southern Region Tiga membabitkan negeri Narathiwat, Yala, Pattani, Songkhla ataupun Satun di selatan Thailand), bagi pihak Office of Vocational Education Commission, Thailand (OVEC).

Melalui MOU berkenaan pihak UPSI mempertimbangkan menghantar pelajar UPSI dari Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional UPSI menjalani latihan mengajar di kolej-kolej teknik dan vokasional di tiga negeri berkenaan.

Penyelaras Program Sokongan Pendidikan Selatan Thailand, Prof. Madya Dr. Abdul Ghani Abu berkata pihak OVEC mengharapkan bantuan UPSI melalui Fakulti Bahasa dan Komunikasi melatih tenaga pengajar mereka dalam mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dan memperkenalkan teknik-teknik mengajar kepada pihak OVEC.

UPSI juga menandatangani MoU bersama Sungaiko-lok Industrial and Community Education

College yang diwakili oleh Pengarahnya, Dr. Sermsak Nilwilai.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI, Tan Sri Datuk Seri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal pelajar & Alumni), Prof. Madya Datuk Paduka Dr. Junaidi Abu Bakar; Presiden Persatuan Alumni Suluh Budiman, Datuk Ahmad Burak; Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi Dr. Raja Nor Safinas Raja Harun; Pengarah Institut Pengajian Siswazah, Prof Dr. Mahzan Arshad; Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Prof Madya Dr. Abdul Halim Ali serta Timbalan Pengarah Pusat Perhubungan Antarabangsa, Dr. Intan Safinaz Mohd Ariff Albakri.

Menerusi MoU itu UPSI bersetuju menyalurkan bantuan kepada pihak Kolej Komuniti Sungaiko-lok bagi mempertingkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dalam kalangan tenaga pengajarnya.

Kedua-dua MoU ditandatangani Pendaftar UPSI, Datuk Rusley Taib sebagai saksi UPSI manakala Pemangku Pengarah The Vocational Institute, Southern Region 3 (OVEC), Mr Sompong Jatutong, sebagai saksi di pihak Thailand.

Prof. Datuk Dr. Zakaria juga mencetuskan program kerjasama untuk menawarkan tenaga pengajar Kolej Teknik dan Vokasional di lima negeri di Selatan Thailand meneruskan pengajian siswazah mereka sama ada peringkat sarjana mahupun peringkat doktor falsafah di UPSI.

Pada majlis itu, Konsul General Malaysia ke Songkhla, Mohd Faizal Razali menganggap kerjasama berkenaan dapat mengeratkan hubungan dan kerjasama antara dua negara ASEAN yang berjiran.

13 MOU/MOA DENGAN INSTITUSI/ AGENSI DALAM NEGARA

- 1 Nota Kerjasama dan Mou Dua Hala dengan Jabatan Alam Sekitar dengan IPT bagi Kerjasama Dalam Pelaksanaan Program Rakan Alam Sekitar pada 1 Oktober 2013.
- 2 MoU UPSI dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat - Perlaksanaan Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak pada 18 November 2013.
- 3 MoA UPSI Holdings dengan UIAM pada 11 Mac 2013 di Kelab Darul Ehsan Selangor.
- 4 MoU UPSI dengan Codemasters pada 23 Mac 2013 di Dewan Rahman Talib UPSI.
- 5 MoU UPSI dengan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka pada 28 Februari 2013. MoU turut ditandatangani dengan 4 lagi IPT di Melaka iaitu Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kolej Antarabangsa Sains dan Teknologi Melaka (MiCoST), Kolej Antarabangsa Dunia Melayu Dunia Islam (KADMDI) dan Institut Seni Malaysia Melaka (ISSMA) yang disaksikan oleh YAB Ketua Menteri Melaka.
- 6 MoU UPSI dengan Majlis Sukan Negara, pada 18 Mac 2013, 9.00 pagi di Dewan Konvensyen E-Learning.
- 7 MoU TESCO Store (M) Sdn. Bhd, Malaysia Timber Industry Board dan UPSI pada 28 April 2013 di Dewan Besar, Kampus Sultan Azlan Shah.
- 8 MoU UPSI dengan MARA, Penyerahan dan Pemindahan Kontrak Graduan Bidang Bahasa Cina MARA ke UPSI, pada 30 Ogos 2013, jam 2.30 petang di Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur.
- 9 MoU UPSI dengan Domino's Pizza (DOMMAL FOOD Services Sdn. Bhd., pada 23 Ogos 2013, di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori.
- 10 MoA UPSI dengan Pusat Rawatan Islam Az- Zahrah Sdn. Bhd. pada 12 Julai, Bilik Mesyuarat Canselori, Bangunan Canselori

MoU UPSI dengan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka pada 8 Mac 2013. MoU turut ditandatangani dengan 4 lagi IPT di Melaka iaitu Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kolej Antarabangsa Sains dan Teknologi Melaka (MiCoST), Kolej Antarabangsa Dunia Melayu Dunia Islam (KADMDI) dan Institut Seni Malaysia Melaka (ISSMA) yang disaksikan oleh YAB Ketua Menteri Melaka.



MoA UPSI Holdings dengan UIAM pada 11 Mac 2013 di Kelab Darul Ehsan Selangor.





MoU UPSI dengan Codemasters pada 23 Mac 2013 di Dewan Rahman Talib UPSI.



MoU UPSI
dengan Majlis Sukan Negara,
pada 18 Mac 2013,
9.00 pagi di Dewan Konvesyen
E-Learning.



UPSI-MARA Kukuhkan Kerjasama



Prof. Dato' Dr. Zakaria (lima dari kanan) bersama Datuk Ibrahim (empat dari kiri) bergambar bersama Nur Akmal (tiga dari kanan) dan Afiqah Sabariah (kiri) serta pegawai-pegawai UPSI dan MARA.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bekerjasama menjayakan pendidikan keusahawanan selaraskan dengan misi memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa IPTA.

Dalam era persaingan kerjaya, budaya keusahawanan perlu diterapkan dalam kalangan mahasiswa UPSI bagi mengukuhkan kemahiran insaniah selain tumpuan kepada kecemerlangan akademik.

Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Ibrahim Ahmad berkata MARA sedia bekerjasama dengan UPSI pada masa depan untuk menjayakan program pendidikan keusahawanan bagi mengukuhkan nilai tambah mahasiswa dan pembangunan manusia di UPSI.

“MARA memberi fokus kepada pembangunan pendidikan dan pendidikan keusahawanan yang disokong oleh struktur pendidikan yang kukuh untuk membangunkan budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa,” katanya pada majlis menandatangani Dokumen Penyerahan dan Penerimaan Pelajar Tindakan MARA di Bangunan Ibu Pejabat MARA.

UPSI, katanya, memiliki kampus yang menarik dan strategik untuk membangunkan prasarana yang menyokong program pembangunan keusahawanan seperti menubuhkan Educational Business Park.

Pada majlis itu, UPSI secara rasmi menerima dua pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk berkhidmat sebagai guru bahasa Mandarin.

Dua pelajar berkenaan ialah Nur Akmal Othman, 23 dan Afiqah Sabariah Khalidar, 24, yang melanjutkan pengajian di Beijing Foreign Studies University (BFSU) dan tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Sastera (Bahasa Mandarin) pada Jun 2013.

Hadir sama pada majlis itu, Pendaftar UPSI, Datuk Rusley Taib dan Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Dr. Raja Nor Safinas Raja Harun serta Pengarah Penasihat 3PK, Prof. Dr. Shahandry Gani Hashim.

Sementara itu Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa menyambut baik hasrat MARA untuk melaksanakan program pendidikan keusahawanan bagi mempelbagaikan ilmu mahasiswa selain tumpuan kepada pendidikan untuk menjadi guru.

Prof. Dr. Zakaria berkata UPSI juga akan menggiatkan usaha dan pelbagai program akan dilaksanakan supaya lebih ramai pelajar Melayu berpeluang mempelajari dan menguasai bahasa Mandarin.

Dengan kehadiran dua guru bahasa Mandarin berkenaan, katanya, mereka diyakini dapat memberi manfaat yang besar kepada UPSI malah meningkatkan bilangan pelajar Melayu untuk mendalami bahasa Mandarin.

Ekoran daripada kerjasama itu, kini UPSI sedang mengenal pasti tanah di Kampus Sultan Azlan Shah untuk membangunkan sebuah kawasan bagi melatih pelajar UPSI menceburi bidang keusahawanan bersama dengan pihak MARA.

Kecermelangan Penyelidikan dan Inovasi



UPSI terima geran RM1.5 juta daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara pada 4 April 2013 untuk mengkaji obesiti dalam kalangan remaja. Kajian di ketuai oleh Dr. Norkhalid Salimin, Pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan dengan tajuk kajian “Kajian Keberkesanan Gaya Hidup Sihat di kalangan remaja”.

Kumpulan PhyKiR, Jabatan Fizik Fakulti Sains dan Matematik telah memenangi empat Anugerah Pendidikan TORAY 2013 dan Anugerah Inovasi Sains Mikrograviti antara universiti tahun 2013.



Dua Pensyarah Fakulti Sains dan Matematik menerima Anugerah TORAY, sebanyak RM6000 seortang iaitu Dr. Shahrul Kadri Ayop, untuk Penyelidikan bertajuk “New Design of Malus’s Law Polarization Experimentel kit”, dan Dr Suraiani Abu Bakar selaku ketua kumpulan, dengan penyelidikan “Simple and Low Cost Gauge Pressure Experimental Set”.



Penyelidik bertajuk “Simple and Low Cost Sound Waves Harmonic Series for Open Tube, diketuai Haji Shahrudin Ali, menerima RM2000 dan En. Idris bin Abu Talib selaku ketua kumpulan untuk tajuk penyelidikan “Bernoulli’s principle Explain Using Cutting Coss Wing In Air Tunnels,” menerima RM4000

Jawatankuasa Penilaian Skim **Geran Penyelidikan Nic (NRGS)** tahun 2013 pada (Tarikh Surat Kelulusan 25 November 2013) telah bersetuju meluluskan permohonan program penyelidikan Skim NRGS dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 5,000,000.00** kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi tempoh penyelidikan lima (5) tahun di bawah tajuk : Development of a Teacher Education Model for Preparing Quality Teachers for the Future. Ketua Penyelidik, Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hajah Noraini binti Idris.



Tiga pingat emas digondol oleh tiga pasukan penyelidik UPSI yang menyertai Infrastructure University Kuala Lumpur Innovation & Invention Competition (IUIIC 2013). **Dr. Nur Ikhwan Bin Mohammad** Sebagai Ketua Kumpulan, Bagi Penyelidikan Yang Bertajuk Muscle Strength, Speed And Power Endurance Exercise & Assessment Protocol: Endurolift Protocol **Dr.**

Norkhalid Salimin mengetuai penyelidikan bertajuk Multi Purpose Training (M-PUT), dan **En. Mohd Izwan Shahril** untuk penyelidikan beliau yang bertajuk SPFOR-Kit (Sports Formation Kit) dan PINGO (Pinball+Bingo).

Pasukan Penyelidik UPSI yang diketuai oleh **Dr. Azmi Mohamed (K)**, telah memenangi **Pingat Emas** di Malaysia Technology Ekspo 2013 (**MTE 2013**) & Malaysia International Design Expo & Awards 2013 (**mIDEAS**) bagi penyelidikan yang bertajuk Low Cost Hybrid Co₂-Phylic Surfactant For Green Solvent Applications.



Pasukan Pelajar Penyelidik UPSI telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Inovasi dalam Pertandingan Inovasi Penyelidikan Sains Mikrograviti Peringkat Universiti 2013 anjuran Agensi Angkasa Negara. Tajuk Penyelidikan "**Dancing Particles**". Pasukan ini turut mendapat pembiayaan

untuk menyertai **uji kaji di nagoya, Jepun**. Penyelia Dr. Shahrul Kadri Ayob, Prof. Dr. Rosly Jaafar, Mohd Azrul Amat dan Dr. Mohd Ikhwan Hadi Yaacob. Pelajar, Kok Keng Hon dan Ahmad Tarmimi Ismail@Illias.

Penyelidik UPSI mencatat sejarah dalam penyertaan di Ekspo Ciptaan Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa 2013 (**PECIPTA 2013**) apabila memenangi **tujuh pingat Emas** untuk **7 penyertaan** keseluruhan. Prof. Madya Ismail Zainol pula mendapat **Special Awards** dan **pingat Emas** bagi penyelidikan



yang bertajuk **Halal Collagen and Hydroxyapatite from Fish Scales**. Pingat emas tersebut dimenangi oleh **Dr. Suriani Abu Bakar**, penyelidikan bertajuk **Vertically Aligned Carbon Nanotubes Synthesized From Waste Chicken Fat**, **Prof. Dato' Dr. Noraini Idris**, bagi penyelidikan yang bertajuk **TI-NspireTM based Learning Environment Module**, **Dr. Tan Wee Hoe**, bagi penyelidikan

yang bertajuk **Fight for the future 2.0.**, **Dr. Noor Aini Ahmad** bagi penyelidikan yang bertajuk **Interactive SOBI**. **Dr. Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip**, bagi penyelidikan yang bertajuk **Thought Pattern Modification (TPM) Modules Based on Cognitive - Behavioral Therapy (CBT) In The Development of Student's Positive Thinking**. **Pusat ICT** melengkapkan pingat emas ketujuh di PeciPTA 2013 bagi produk **Virtual Campus Learning System (VCLS)**.

Pada 9 Oktober 2013, Pusat ICT mendapat pengiktirafan apabila produk yang sama dinobatkan sebagai **Best Award for ICT & Multimedia Category** oleh International Intellectual Property Network Forum (IIPNF).

Dua pingat Emas dimenangi di International Exposition of Research and Innovation in Education 2013 (**Edu-InERI2013**) yang diadakan pada 21-22 September 2013. Kedua-dua emas dimenangi oleh **Prof. Dato' Dr. Noraini Idris** bagi penyelidikan yang bertajuk **Enhancing Students' Mathematics Performance and Higher Order Thinking Skills Through TI-Nspire based Learning**, dan penyelidikan yang diketuai oleh **Tuan Haji Mohd Nazri Md Saad**, bagi penyelidikan bertajuk **Virtual Campus Learning System (VCLS)**.

Pasukan ICT yang diketuai oleh Tuan Haji Mohd Nazri Md Saad, Ketua Pegawai Maklumat (CIO) ICT, UPSI telah memenangi **Gold Award dan Best of The Best Award di NIID Exhibition** di UiTM Seri Iskandar yang berlangsung dari 10-12 Nov. 2013, di bawah projek VCLS.

Dr. Amin Terima Anugerah Sukan



Md Amin (tiga dari kiri) bersama sebahagian penerima Anugerah Kembara Negara dari kategori lain.

Prof. Madya Dr. Md Amin Md. Taff mengharumkan nama UPSI apabila menerima dua anugerah sukan sebagai pengiktirafan terhadap sumbangannya dalam sukan rekreasi luar dan kayak.

Anugerah Penggerak dan Sukarelawan Sukan diterimanya pada 20/12/2013 sempena majlis Anugerah Sukan Untuk Semua 2013 anjuran Jabatan Belia & Sukan Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Perak.

Beliau menerima hadiah wang tunai RM2,000, trofi dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Exco Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak, Datuk Shahrul Zaman Yahya di MH Hotel, Ipoh.

Anugerah berkenaan bertujuan menghargai tokoh sukan yang telah banyak berkorban dan menyumbang dalam pembangunan sukan massa/sukan untuk semua di Malaysia.

Beliau turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Kembara Negara (Anugerah Penggerak Sukan Kayak Lelaki) sempena Anugerah Kembara Negara yang julung kali diadakan oleh Persatuan Kembara Negara dan Kerajaan Negeri Sembilan.

Majlis berlangsung di Hutan Rekreasi Hulu Bendul, Negeri Sembilan pada 21/12/2013 dan hadiah disampaikan oleh Exco Pelancongan Negeri Sembilan, Datuk Tun Hairuddin Abu Bakar.

Dr. Md. Amin adalah penggerak pertama sukan kayak dan rekreasi di Malaysia yang memperolehi Doktor Falsafah yang mengkaji sukan berkenaan. Beliau berkecimpung aktif serta menyumbang pelbagai jasa dalam pembangunan sukan kayak & rekreasi luar selama lebih 25 tahun di peringkat universiti, nasional dan antarabangsa.

Sepanjang pembabitannya Md. Amin pernah dilantik sebagai jurulatih dan pengurus sukan kayak Negeri Johor dan Malaysia (1996 – 2008), Pengurus pasukan Malaysia ke World Freestyle Championships di Atlanta, USA, 2013; wakil Delegasi Malaysia ke Mesyuarat Agung International Canoe Federation;

Setiausaha Agung Persatuan Kanu Malaysia (2000 – 2003), Setiausaha Agung Persekutuan Kanu Asia Tenggara (2001 – 2003), Penolong Pengurus Pasukan Sukan SEA Malaysia di Sukan SEA Palembang, 2011, Setiausaha Agung Persatuan Kanu Johor (1994 – 1998) serta Naib Presiden 1 Persatuan Kanu Malaysia (2010 – kini).

Dari segi pencapaian, Md. Amin pernah muncul johan acara beregu sukan kayak di Malaysia (1990–2004), Johan acara K1 Novice di Avon Descent Whitewater Race, Australia; Pengerusi Lembaga Pendidikan Kanu Kebangsaan (1999–kini) serta bertindak sebagai pencetus idea dan pengarah Kejohanan Karnival Kanu Putrajaya (1999–2010).

Ketika berusia 18 tahun, Dr. Md Amin sudah mula menjadi jurulatih rekreasi luar dan ditauliahkan di Malaysia pada tahun 1990.

Dengan pengalaman yang ada, beliau berjaya menggubal dan memperkenalkan Kurikulum Pendidikan Kanu Kebangsaan pada 1999 serta menjadi pakar rujuk aktiviti fizikal & rekreasi Program Latihan Khidmat Negara.



Md. Amin (kanan) ketika menerima Anugerah Penggerak Sukan di Ipoh daripada Exco Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak, Datuk Shahrul Zaman Yahya

Dr Suriani Terima Anugerah L'Oréal-UNESCO

Menerusi penyelidikan berasaskan bahan termaju dan Nanoteknologi, Ketua Jabatan Fizik, Prof. Madya Dr. Suriani Abu Bakar berjaya memenangi beberapa anugerah sepanjang tahun 2013 sekali gus melonjakkan nama Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Antara anugerah terbesar yang dimenangi oleh Dr. Suriani adalah penerima anugerah L'Oréal-UNESCO For Women in Science National Fellowship yang diterimanya pada 14.11.2013.

L'Oréal-UNESCO For Women in Science National Fellowship dilancarkan dengan sokongan Malaysian National Commission for UNESCO dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia, Kementerian Pendidikan

Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Penganugerahan itu adalah satu pengiktirafan dan penghargaan kepada penyelidik wanita yang cemerlang di Malaysia. Berikutan anugerah yang diterimanya itu, Dr Suriani menerima geran sebanyak RM20,000 bagi menjalankan penyelidikan berkaitan penghasilan bahan graphene untuk digunakan dalam banyak aplikasi peranti elektronik. Sepanjang tahun 2013, Dr. Suriani turut memenangi beberapa pingat pingat emas sempena Pecipta 2013; pingat perak (Malaysia Technology Expo 2013) serta poster Terbaik sempena NANO-SciTech 2013 yang berlangsung pada bulan Mac 2013.



Penyelidikan Kolagen Dr. Zainol Harumkan UPSI



Dr. Ismail Zainol menerima Pingat Emas dalam PECIPTA 2013

Antara pingat yang dimenangi Dr. Ismail.



Penyelidik UPSI Prof. Madya Dr. Ismail Zainol berjaya memenangi Pingat Emas dan Special Awards di Eskpo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2013 (PECIPTA 2013) bagi penyelidikan yang bertajuk *Halal Collagen and Hydroxyapatite from Fish Scales*.

Menurut Dr. Ismail penemuan kolagen terhidrolisis (hydrolysed collagen) yang digunakan sebagai makanan tambahan telah menawarkan banyak penyelesaian dalam konteks pelbagai masalah kesihatan sejagat.

Penyelidikan mengenai pengeluaran kolagen daripada sisik ikan dimulakan sejak tahun 2008 di Jabatan Kimia, UPSI yang disokong oleh geran penyelidikan universiti (GPU) di bawah tajuk Collagen/Hydroxyapatite Composite From Fish Scales.

Kejayaan projek ini membawa kepada kelulusan Skim Geran Pembangunan Prototype (PRGS) KPM di bawah tajuk Development of prototype of green collagen extraction system (CGES) for production of Halal collagen from fish scales (2012-0089-104-32) yang bernilai RM244,000.

Ciptaan ini mempunyai kesan yang sangat besar kepada industri halal di Malaysia, khususnya dan di seluruh dunia, amnya kerana kolagen terhidrolisis telah digunakan secara meluas dalam nutraseutikal, farmaseutikal, kosmetik dan produk-produk makanan.

Produk inovasi ini berjaya dikomersialkan melalui sewaan paten (patent licensing) kepada syarikat Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah Sdn Bhd (Company No. K690999) dengan nilai sewaan paten sebanyak RM650,000, yuran perundingan sebanyak RM50,000 serta bayaran royalti keuntungan sebanyak 7% setiap tahun iaitu selama 10 tahun.

Dokumen MOA telah ditandatangani pada 12 July 2013 antara UPSI dan Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah Sdn Bhd.

Pada peringkat awal pelaksanaan, syarikat berkenaan akan memberi tumpuan kepada pengeluaran kolagen dan kolagen terhidrolisis.

128 TERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG

UPSI – 128 orang kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerima Anugerah Khidmat Cemerlang 2012. Anugerah diadakan serentak dengan Perhimpunan Bulanan pada 3 April 2013 di Dewan SITC.

Anugerah disampaikan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa. Dalam ucapannya, beliau menyeru agar semua staf memberikan perkhidmatan yang terbaik demi membangunkan UPSI. "Oleh itu, marilah kita sama-sama mencipta kejayaan dalam apa jua bidang yang kita ceburi, dan kejayaan kita ini akan mengharumkan nama UPSI," katanya.

Menurut beliau lagi dalam usaha UPSI menjadi Leading Education University in Asia pada 2015 dan di Asia pada tahun 2020, komitmen daripada semua kakitangan amat diperlukan. Tahun 2012 menyaksikan 100 peratus kakitangan UPSI mengisi LNPT, kejayaan ini adalah usaha berterusan dari

Bahagian Sumber Manusia agar tiada kakitangan dikenakan tindakan. Menurut Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, "mulai penilaian prestasi tahun 2012, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif memutuskan kegagalan mengisi dan menghantar LNPT secara atas talian dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan empat tindakan; ditahan kenaikan gaji tahunan, tidak disahkan dalam jawatan, tidak disambung kontrak perkhidmatan, dan permohonan untuk cuti belajar tidak akan diluluskan.

Dalam majlis yang sama, balu Allahyarham Mohd Khairil bin Khamis dari Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Pn. Elliana Syaifuza turut hadir menerima anugerah suaminya. Mohd Khairil meninggal dunia tiga hari sebelum Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang berlangsung.



Mesmerize Johan KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Perak 2013 (Kategori Pengurusan)

Projek bertajuk 'Kesukaran Memilih Calon Penerima Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sempena Istiadat Konvokesyen UPSI' memberi kelebihan kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Mesmerize dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk menjuarai Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Ke-26 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan yang berlangsung di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh 21 Mac 2013.

Kumpulan dari Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) yang mewakili UPSI itu berjaya merangkul Anugerah Menteri Besar Perak sekaligus dinobatkan sebagai Johan KIK peringkat Negeri Perak bagi kategori Pengurusan.

Kumpulan bimbingan Timbalan Pendaftar, Maskana Ahmad yang bertindak sebagai fasilitator itu membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000, Piala Pusingan, sijil dan trofi.

Mesmerize dianggotai lapan kakitangan BHEA iaitu Ikmal Redzuan Mohd Isa selaku Ketua Kumpulan dan ahli terdiri daripada Amiruzzaman Aminuddin, Mohamad Azrin Mat Rais, Mohd Hafiz Md. Aini, Norsharila Mustafa, Shahreena Kamall Khan, Siti Khairatul Azwa Mohd Farok serta Siti Mai Sarah Anas.

Kumpulan berkenaan yang mengungguli kategori Pengurusan itu berjaya menampilkan projek berupa satu sistem yang dikenali sebagai Excellence Award System (E-AWARD'S) yang membantu memudahkan pengurusan universiti dalam proses pemilihan calon penerima anugerah kecemerlangan untuk dianugerahkan pada istiadat konvokesyen mengikut kriteria anugerah yang ditetapkan oleh universiti.

Timbalan Pendaftar Kanan BHEA, Azzah Abdul Latiff (gambar) menganggap inovasi yang dihasilkan kakitangannya itu bukan sahaja boleh dimanfaatkan untuk kegunaan jabatannya malahan boleh diaplikasikan di semua sektor kerajaan yang berkaitan.

"Saya bangga dengan komitmen mereka dan sentiasa memberi sokongan, galakan, harapan serta memberi kepercayaan sepenuhnya kepada kumpulan Mesmerize dalam mengharungi membawa cabaran di konvensyen yang menguji kreativiti dan inovasi setiap kumpulan itu.

Beliau berkata kejayaan berkenaan antara yang tertinggi dan terbaik BHEA pada tahun ini dan berpandukan konsep Islam agar melakukan sesuatu itu 'hari ini lebih baik dari semalam dan sebaik-baik manusia adalah manusia yang memberi manfaat kepada orang lain'.

Inovasi yang dilakukan kumpulan selaras dengan dasar transformasi negara yang menekankan ke arah peningkatan penyampaian dalam perkhidmatan.

Menurutnya setiap pegawai BHEA digalakkan berusaha untuk membuat perubahan dan melaksanakan tugas yang boleh memberi kebaikan kepada diri sendiri, pelanggan dan akhirnya kepada UPSI.

Kini, katanya, BHEA sedang berusaha menghasilkan pelbagai inovasi dalam pentadbiran yang masih dalam proses uji coba.

"Kejayaan ini sangat memberi impak yang besar kepada reputasi UPSI sebagai penggerak inovasi dalam pengurusan seterusnya menghasilkan kakitangan yang membangunkan budaya kerja berprestasi tinggi seperti yang disarankan oleh Naib Canselor," katanya.

Pencapaian Kumpulan Mesmerize sehingga kini membanggakan beliau kerana sering kali memperoleh kejayaan di peringkat Universiti mahupun kebangsaan termasuklah memenangi pingat Emas dalam International Technology and Exhibition (ITEX) 2012.



Edu-InERI 2013 Medan Pamer Hasil Penyelidikan Pendidikan

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengadakan Ekspo Antarabangsa Penyelidikan dan Inovasi dalam Penyelidikan (Edu-InERI) 2013 bertempat di Dewan Besar, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City pada 21 dan 22 September 2013.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris berkata program dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak dan Sektor Pelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia itu bertujuan untuk mempamerkan produk-produk inovatif dan kreatif hasil daripada kajian yang dijalankan oleh penyelidik dan pelajar institusi pengajian tinggi, kolej dan sekolah-sekolah, sama ada dari Malaysia atau luar negara.

Lebih 200 penyelidik muda daripada kalangan pelajar sekolah, mahasiswa serta kalangan pensyarah

menyertai ekspo mempamerkan hasil ciptaan mereka.

Ekspo itu juga menjadi medan mempamerkan hasil penyelidikan dan inovasi pendidikan yang berdaya cipta tinggi serta berpotensi untuk dikomersialkan selain menjadi medium perbincangan dan perkongsian ilmu untuk memperkasakan penyelidikan serta menyediakan ruang dan peluang kerjasama antara penyelidik dalam dan luar negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah yang merasmikan program itu menyeru penyelidik di universiti menggunakan sebaik mungkin dana penyelidikan yang diperuntukkan kerajaan kepada mereka.



Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (belakang tengah) bersama wakil-wakil pusat pengajian yang menyertai pameran sempena Edu-InERI 2013.



Datuk Dr. Abu Bakar melawat gerai pameran hasil kreativiti pelajar UPSI.



Pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional UPSI bersama hasil kraf tangan mereka.

IPM Terima Empat Anugerah Buku Negara 2013

Anugerah Buku Negara kategori Anugerah Perdana Tun Sri Lanang (Tokoh Buku Akademik) Tajuk buku "Sulalatus Salatin – Sejarah Melayu Empayar Kesultanan Melayu Melaka" Penerima Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar

Anugerah Perdana Kategori Pusat Pengajian Penerima Institut Peradaban Melayu.

Hadiah Kategori Esei dan Kritikan Sastera - Hadiah Sastera Darul Ta'zim Ke-9, 2013 pada 1 November 2013. Judul artikel : Model R.Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang dalam Tradisi Lisan Jurnal Peradaban

Melayu, Keluaran 2012 (7), Penulis Artikel : Dr. Roslina Abu Bakar

Anugerah Perdana (Kategori Buku Akademik) Tajuk Buku : Sulalatus Salatin – Sejarah Melayu Empayar Kesultanan Melayu Melaka" terbitan oleh Institut Peradaban Melayu, UPSI dan Balai Seni Visual Negara.

Anugerah Buku Industri (Buku Umum Terbaik – Kategori Peradaban) Tajuk Buku Gagasan Melayu Serumpun – Penyelenggara Abdul Latiff Abu Bakar



Imbasan Antara Aktiviti Pusat Perhubungan Alumni 2013

Majlis Syarahan Alumni Siri Ke-3 pada 17 April 2013 berlangsung di Dewan Sri Tanjung, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ceramah disampaikan oleh Pengarah Pusat Sukan UPSI, Prof. Madya Dr. Md. Amin Md. Taff. Beliau adalah batch kedua alumni UPSI (Istiadat Konvokesyen ke-2, 2000). Seramai lebih kurang 200 orang tetamu dan pelajar UPSI hadir bagi menyertai program tersebut.



Lawatan Sambil Belajar Guru-Guru Wilayah Satun, Thailand ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 22–25 April 2013 di Blok C, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI. Pusat Perhubungan Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan lawatan berkenaan bertujuan memberi peluang kepada peserta mempelajari teknik-teknik asas pembelajaran Bahasa Melayu yang dapat diaplikasikan di sekolah-sekolah di Wilayah Satun, Thailand. Penceramah utama adalah Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, UPSI, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ali.

Lawatan Sambil Belajar Guru-Guru Wilayah Satun, Thailand ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 22–25 April 2013 di Blok C, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI. Pusat Perhubungan Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan lawatan berkenaan bertujuan memberi peluang kepada peserta mempelajari teknik-teknik asas pembelajaran Bahasa Melayu yang dapat diaplikasikan di



Majlis Perasmian Bilik Gerakan Alumni UPSI Chapter Thailand berlangsung pada 17 September 2013 di Bilik Gerakan Alumni UPSI Chapter Thailand, Universiti Islam Yala (YIU), Yala, Thailand. Chapter ini ditubuhkan bagi memudahkan perhubungan dua hala antara alumni UPSI di Thailand dengan Pusat Perhubungan Alumni UPSI dalam pelbagai perkara terutamanya tentang kemasukan pelajar Thailand ke UPSI. Bilik tersebut dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari.



Majlis Syarahan Alumni Siri ke-4 berlangsung 30 Mei 2013, sesi ini menyaksikan alumni yang terdiri daripada alumni MPP iaitu En. Ahmed Faizul Mohamed Noor dan En. Mohd. Raimi Rahim sebagai panel, manakala En. Mohd. Izwan Shahril bertindak sebagai moderator. Majlis berlangsung di Dewan Konvokesyen E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI.



Majlis Perletakan Tanda Nama Alumni berlangsung di Woodlands, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI pada 31 Mei 2013. Majlis dirasmikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Prof. Madya Dr. Abdul Halim.



Majlis Perasmian Bilik Gerakan Alumni UPSI Chapter Thailand berlangsung pada 17 September 2013 di Bilik Gerakan Alumni UPSI Chapter Thailand, Universiti Islam Yala (YIU) Yala, Thailand. Chapter ini ditubuhkan bagi memudahkan perhubungan dua hala antara alumni UPSI di Thailand dengan Pusat Perhubungan Alumni UPSI dalam pelbagai perkara terutamanya tentang kemasukan pelajar Thailand ke UPSI. Bilik tersebut dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Abu Musa Asa'ari.



Program Alumni bersama Masyarakat Bersempena Penubuhan Alumni UPSI Chapter Sabah yang berlangsung pada 13 hingga 15 Disember 2013 di Karambunai dan Kota Kinabalu Sabah bertujuan bagi mengumpulkan semua ahli alumni yang menetap di Sabah dengan mengadakan Program Khidmat Masyarakat di Kawasan Karambunai di samping menubuhkan Alumni UPSI Chapter Sabah.



Wacana Pemikiran Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh diadakan pada 24 Disember 2013 di Dewan SITC, UPSI. Program Wacana ini membincangkan sumbangan, peranan dan pemikiran Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh dalam bidang bahasa, sastera, penulisan, pembangunan universiti dan bidang pendidikan bagi membangunkan serta memperkasakan peranan institusi pendidikan negara.



SENARAI CHAPTER ALUMNI UPSI

- Alumni UPSI Chapter Thailand
- Alumni UPSI Chapter Singapura
- Alumni UPSI Chapter KL & Selangor
- Alumni UPSI Chapter Sabah
- Alumni UPSI Chapter PALAPES
- Alumni UPSI Chapter IPSI Tahun 1994-1996
- Alumni UPSI Chapter Majlis Perwakilan Pelajar
- Alumni UPSI Chapter Perlis
- Alumni UPSI Chapter Kedah
- Alumni UPSI Chapter Perak
- Alumni UPSI Chapter Negeri Sembilan
- Alumni UPSI Chapter Melaka
- Alumni UPSI Chapter Johor
- Alumni UPSI Chapter Terengganu
- Alumni UPSI Chapter Kelantan

Anugerah Ketrampilan Tingkat Motivasi Pelajar

TANJONG MALIM – Anugerah Ketrampilan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2012 menyaksikan sebanyak enam anugerah daripada 11 kategori pencalonan dihadiahkan kepada pelajar.

Antara anugerah yang dipertandingkan ialah Anugerah Khas Khidmat Masyarakat, Anugerah Pengarah Program Terbaik, Anugerah Keusahawanan, Anugerah Kesukanan (Kesukanan Aktif dan Kesukanan Cemerlang), Anugerah Ketrampilan (Kepimpinan dan Keseniaan & Kebudayaan), Anugerah Badan Pelajar (Akademik dan Bukan Akademik), Anugerah Timbalan Naib Canselor, HEPA dan Anugerah Utama iaitu Anugerah Naib Canselor, UPSI.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UPSI ini telah berlangsung pada 28 Mei 2013 bertempat di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI. Majlis tersebut merupakan acara kemuncak bagi mengiktiraf pencapaian dan sumbangan kepada pelajar UPSI di atas

kecemerlangan yang telah dicapai terutamanya dalam bidang kokurikulum.

Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abi Musa Asa'ari, dalam ucapannya berkata, penganjuran ini memperlihatkan usaha pihak universiti untuk meningkatkan minat dan motivasi pelajar serta menambahkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar melalui penglibatan dalam program-program pembangunan sahsiah dan seterusnya menghargai sumbangan dan ketokohan mereka.

Dalam majlis ini, pelajar Fakulti Pengurusan Ekonomi, Saudara Muhd Muzakir Afiq Musa telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Naib Canselor yang membawa pulang wang tunai RM600, trofi dan sijil penghargaan. Kelab Teknikal Persembahan (U-Tech) pula dipilih sebagai penerima Anugerah Timbalan Naib Canselor HEPA yang mengalahkan 60 persatuan pelajar lain dan membawa pulang wang tunai RM800, trofi dan sijil penghargaan.



UPSI Juara Zon Tengah Liga IPT 2013

Pasukan bola sepak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang membuat penstrukturan semula pasukannya awal tahun ini, berjaya mengembalikan semula kegemilangan apabila berjaya menjuarai peringkat kelayakan Zon Tengah, Kejohanan Liga IPT 2013.

Menurut Pengurus Pasukan, Yusri Yakub, pemain mengikuti latihan secara intensif dan sistematik, kemotivasi dan jati diri, perlawanan persahabatan di UPSI dan juga di luar termasuk di sekitar Lembah Kelang, Kelantan, Melaka dan Pulau Pinang bertujuan memantapkan permainan sehingga mencipta kemenangan.

Pasukan UPSI menewaskan Politeknik Ungku Omar (PUO) 1-0 pada perlawanan akhir peringkat kelayakan zon tengah membelakangkan lapan pasukan IPT lain di gelanggang sendiri sebagai rumah.

Pertarungan peringkat akhir antara zon, UPSI sekali lagi bertemu PUO namun akur untuk meraih gelaran Naib Juara apabila tewas 0-2 kepada PUO yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Yusri berkata walaupun keseluruhan perlawanan akhir dikuasai pasukan UPSI, namun nasib tidak menyebelahi UPSI.

“Walaupun tewas, yang penting pasukan Liga IPT, UPSI mencatat sejarah baru apabila layak ke Divisyen 3 pada musim 2014 setelah berhempas pulas selama enam tahun malah kami menyasarkan Divisyen 1 pada masa akan datang,” katanya.

Pasukan kesebelasan di bawah bimbingan Ketua Jurulatih, Khairuddin Abd Majid itu terdiri daripada Mohamad Amirul Hakimi Razali, Mohamad Ridhwan Md Yunus, Muhammad Fakhruddin Azhar, Muhamad Ikhwan Sansudin, Mohd Syafiq Idham Mohd Azmi, Mohd Azim Hamzah, Muhammad Noor Sulaimi Saidi, Mohd Alwan Asyimi Osman, Mohd Fitri Fahizi A. Azamain, Mohamad Farhan Zuhdi Ahmad, Suhaimi Ab Rahim, Ahmad Firdaus Abd Rasid, Muhammad Hakman Abd Hadi, Mohd Sufinur Abdul Wahab, Mohd Haikal Ismail, Muhammad Faiz Shuhaimi serta Ko Gi Wook.

Matlamat utama pasukan UPSI pada musim 2013 telah berjaya dengan cemerlang dan kini pasukan UPSI akan terus mara menuju puncak dan seterusnya matlamat pasukan adalah berjuang dalam kelompok Divisyen 3 pada musim 2014 ke arah mengembalikan semula pasukan bola sepak UPSI ke Divisyen 1 seperti yang pernah dinikmati beberapa tahun yang lalu.

Di samping itu, pasukan bola sepak UPSI juga telah menyertai beberapa siri kejohanan bola sepak di peringkat domestik.

Setelah 6 tahun terperosok di dasar liga, akhirnya pada tahun ini Pasukan Liga IPT UPSI 2013 menempai sejarah menjuarai peringkat kelayakan Zon Tengah, Kejohanan Liga IPT 2013 yang diadakan pada 14 hingga 18 Mei 2013 di padang UPSI menewaskan pasukan Politeknik Ungku Omar di perlawanan akhir. Peringkat kelayakan zon tengah tersebut UPSI adalah sebagai tuan rumah kepada 8 pasukan IPT lain yang bertanding.

Setelah menjuarai Peringkat Kelayakan Zon Tengah tersebut, UPSI seterusnya melangkah ke Pusingan Akhir Kelayakan Zon yang di adakan bermula dari 2 hingga 6 Julai 2013 yang lepas bertempat di UKM Bangi, Selangor. Pusingan Akhir Kelayakan Zon tersebut disertai oleh 8 pasukan yang merupakan pasukan juara dan naib juara kelayakan zon masing-masing, yang terdiri daripada pasukan UPSI, Politeknik Ungku Omar, Kolej Komuniti Terengganu, Politeknik Terengganu, Kolej Komuniti Perlis, Universiti Utara Malaysia, UiTM Puncak Alam, dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Pada Pusingan Akhir Kelayakan Zon tersebut sekali lagi pasukan UPSI menempai sejarah layak ke Kelompok Divisyen 3 Liga IPT pada musim 2014 akan datang setelah mara dengan bergaya ke perlawanan akhir apabila menewaskan pasukan UniKL 2-1 pada peringkat separuh akhir. Pada perlawanan akhir, pasukan UPSI sekali lagi bertemu pasukan Politeknik Ungku Omar yang merupakan naib juara zon tengah pada peringkat kelayakan zon tengah yang diadakan di UPSI pada 14 hingga 18 Mei 2013 yang lalu.

Medan perlawanan akhir, Pusingan Akhir Kelayakan Zon yang berlangsung di Stadium UKM, Bangi pada tanggal 6 Julai 2013 bertukar menjadi milik Politeknik Ungku Omar apabila UPSI tunduk 0-2 kepada Politeknik Ungku Omar. Walaupun pada keseluruhan perlawanan akhir tersebut dikuasai oleh pasukan UPSI namun nasib tidak menyebelahi pasukan UPSI yang tewas dengan 2 gol mudah. Walaupun tewas, yang penting pasukan Liga IPT UPSI telah mencatat sejarah baru layak ke Divisyen 3 setelah berhempas pulas selama 6 tahun. Matlamat utama pasukan UPSI pada musim 2013 telah berjaya dengan cemerlang dan kini pasukan UPSI akan terus mara menuju puncak dan seterusnya matlamat pasukan adalah berjuang dalam kelompok Divisyen 3 pada musim 2014 ke arah mengembalikan semula pasukan bola sepak UPSI ke Divisyen 1 seperti tahun yang lalu.

Pasukan UPSI gembira menjuarai perlawanan peringkat kelayakan zon tengah di Padang UPSI baru-baru ini.



Kolej Aminuddin Baki Johan Keseluruhan Festival Kesenian & Kebudayaan Kolej-Kolej Kediaman Universiti Pendidikan Sultan Idris

Oleh Zurina Binti Abdul Wahab

UPSI, Kolej Aminuddin Baki; Exco Kesenian Dan Kebudayaan Majlis Mahasiswa Kolej-Kolej Aminuddin Baki Sesi 2013/2014 telah

mengadakan Program Festival Kesenian yang bertemakan "Budaya Tanpa Sempadan" pada 24 hingga 26 Oktober 2013 bertempat di Sekitar Kolej Aminuddin Baki dan Dewan Kolej Za'ba dengan kerjasama Kolej-Kolej Kediaman Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Program yang berlangsung selama tiga hari menyaksikan pelbagai pertandingan diadakan bermula dengan Pertandingan Qasidah dan Kompang Formasi serta diserikan lagi dengan penampilan UNIC dan diselangi oleh cabutan bertuah. Pertandingan Tarian telah diadakan kolej-kolej kediaman diselangi oleh cabutan bertuah. Keesokannya, bermula dengan acara senam seni diteruskan dengan Pertandingan Dikir Barat dan diselitikan dengan ceramah oleh Dr. Mohd Zahuri, Pengetua Kolej Za'ba. Sukan Rakyat juga dipertandingkan sepanjang program ini. Setiap acara tersebut telah dikendalikan oleh wakil Majlis Mahasiswa Kolej, Kolej-Kolej Kediaman Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang terdiri daripada Kolej Za'ba, Kolej Ungku Omar, Kolej Harun Aminurrashid, Unit Kediaman Luar Kampus serta Kolej Aminuddin Baki sendiri yang merupakan tuan rumah.

Festival Kesenian & Kebudayaan juga telah dapat dilaksanakan dengan jayanya hasil usaha keras dan komitmen saudara Mohd Syafiq bin Mohd Hasri selaku pengarah program. Majlis Penutupan Festival Kesenian & Kebudayaan Kolej-kolej Kediaman ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa



Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air Perak iaitu YB. Datuk Zainol Fadzi Paharudin.

Kolej Aminuddin Baki telah dinobatkan menjadi johan keseluruhan bagi semua pertandingan yang dipertandingkan. KAB telah mengungguli gelaran johan untuk Pertandingan Qasidah dan Pertandingan Kompang Formasi, manakala Naib Johan bagi Pertandingan Tarian dan Pertandingan Dikir Barat.

Tujuan utama Program ini ialah menarik minat dan memberi peluang kepada mahasiswa UPSI untuk menunjukkan bakat dan kemahiran dalam aktiviti-aktiviti kesenian yang dipertandingkan. Program ini juga dijalankan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan tahap profesionalisme dalam pengurusan, komunikasi dan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa.

Semoga program ini mampu memberikan sedikit pengetahuan dan kemahiran kepada semua penghuni kolej-kolej kediaman dan bertanggungjawab dan memainkan peranan sebagai mahasiswa yang mampu memberi sumbangan kepada kolej. Semoga segala usaha yang dilakukan oleh Exco Kesenian Dan Kebudayaan Majlis Mahasiswa Kolej, Kolej Aminuddin Baki Sesi 2013/2014 mampu memberi impak yang besar dalam melestarikan sahsiah diri mahasiswa/wi. Diharapkan semoga impian murni yang telah dilaksanakan melalui program ini memberi impak yang positif daripada pelbagai golongan terutamanya daripada pihak Kolej Aminuddin Baki, Universiti Pendidikan Sultan Idris.



Pelantikan MPP sesi 2013/2014

Naib Canselor, Prof Dato' Dr. Zakaria Kasa menasihatkan barisan kepimpinan baharu Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berusaha mengharumkan nama universiti dalam visi mereka.

Ketika berucap pada majlis Penyerahan Surat Pelantikan Ahli MPP Sesi 2013/2014 di Dewan Sri Tanjung UPSI pada 30 Disember 2013 beliau berkata MPP yang mewakili mahasiswa perlu komited merencanakan usaha melahirkan bakat kepimpinan dalam kalangan mahasiswa UPSI.

“Dalam cabaran abad 21 ini, ia menuntut proses transformasi ke arah menjadi sebuah universiti bertaraf dunia. Justeru, MPP sewajarnya membantu universiti ke arah melahirkan graduan yang melayakkan UPSI menjadi universiti yang menerajui bidang pendidikan di peringkat Asia Tenggara dan Asia.

Mahasiswa, katanya, perlu peka dengan isu semasa dan memastikan segala aspirasi universiti tercapai

walaupun ia satu tugas berat.

“MPP perlu menunaikan janji kepada semua mahasiswa untuk memberi tumpuan usaha memperjuangkan kebajikan dan menjadi `role model` kepada mahasiswa lain, “katanya”.

Yang Dipertua MPP, Muhammad Idris Mahmud berkata barisan kepimpinannya akan bersama-sama dengan pihak pentadbiran UPSI bagi menyelesaikan masalah kebajikan mahasiswa.

“Kepimpinan MPP bukanlah badan eksklusif tetapi eksekutif demi membantu merealisasikan usaha melonjakkan nama dan memajukan universiti.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Omar Abdull Kareem, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), ACP (Kehormat) Prof. Madya Datuk Paduka Dr. Junaidi Abu Bakar serta pengetua-pengetua kolej.

Yang Dipertua
Timbalan Yang Dipertua
Naib Yang Dipertua
Setiausaha Agung
Penolong Setiausaha Agung
Bendahari
Penolong Bendahari
Exco Kebajikan dan Kemasyarakatan
Exco Latihan dan Pembangunan Sahsiah
Exco Akademik dan Kerjaya
Exco Ekonomi dan Keusahawanan
Exco Penginapan dan Perumahan
Exco Perpaduan dan Integrasi
Exco Publisiti dan Informasi
Exco Kesenian dan Kebudayaan
Exco Perhubungan Awam dan Antarabangsa
Exco Sukan dan Rekreasi
Exco Pasca Siswazah

- Muhammad Idris Mahmud
- Abdul Hakim Wan Mohd Nor,
- Muhammad Syafiq Zainal
- Siti Asmalini Mohd Ashri
- Zulhazli Elias
- Mohd Syazrin Radzuan
- Sathish Roa a/l Appalanaidu.
- Abdul Halim Fauzi dan Abu Hassan Al-Shaari Ghazali
- Nik Muhammad Nazim Nik Yusoff dan Anis Shazwani Ibni Amin
- Khairil Anwar Daud dan Muhammad Fiqri Mustaffa
- Mohd Ardy Azwar Mohd Affandi dan Nurul Najwa Hassan
- Nik Asmawi Hassan dan Muhammad Firdaus Kamarudin
- Jordan Anak Maria dan Lim Jia Yi
- Muhammad Fuad Tarmizi dan Farah Nurshahira Zulkifli
- Muhammad Ashraf Nashir dan Siti Fatimah Baharuddin,
- Davey Toh dan Carmen Ng
- Muhammad Shahfadhilah Mohamad dan Muhammad Syahmi Aiman Sulaiman
- Faizal Amran dan Irdyanti Nashir



Atlet Silat Cemerlang Di Melaka

Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi ke-4 2013 yang berlangsung di Dataran Pahlawan, Melaka pada 15 hingga 20 September 2013 menyaksikan 12 atlet UPSI terpilih mewakili pasukan Malaysia.

Pemilihan mereka tidak sia-sia apabila berjaya menyumbang dua pingat emas, satu perak serta dua gangsa untuk pasukan Malaysia.

Ini sekaligus melayakkan pasukan Malaysia untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan tiga kali berturut-turut bermula dari edisi ke-2 hingga edisi ke-empat.

Dalam kejohanan itu, pelajar semester dua Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak, Noor Farahana Ismail iaitu pesilat olahraga (kelas B puteri) memenangi pingat emas apabila berjaya menewaskan atlet dari Vietnam dengan kiraan mata 5-0.

Noor Farahana juga dinobatkan sebagai Pesilat Terbaik IPT Antarabangsa yang melayakkannya membawa pulang trofi kemenangan, sijil serta wang tunai RM 500.

Kategori silat seni (ganda putera) pula menyaksikan pelajar semester dua Ijazah Sarjana Muda Rekabentuk dan Pengiklanan, Noor Ashrof Mohd Noor dan Muhammad Hazri Zahid Kasimi, pelajar semester dua Ijazah Sains Sukan dan Kejurulatihan berjaya menyumbang pingat emas pertama buat pasukan Malaysia dengan menewaskan pasukan Vietnam, Indonesia dan Singapura.

Sementara itu, kategori silat seni (ganda

puteri) menyaksikan pasangan adik-beradik, Nur Sahira Hamzah dan Nur Syafiqah Hamzah, dari program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak berjaya meraih pingat perak.

Bagi kategori silat seni (regu putera), Muhammad Najib Selamat (semester tiga, Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak), Mohd Saifullah Zamakhsari (semester dua, Ijazah Pendidikan Awal Kanak-kanak) dan Muhammad Khairul Hadi Ismail (Ijazah Teknologi Maklumat) berjaya meraih pingat gangsa.

Noor Areefa Ardella Mohd Ma'mor (semester tiga, Diploma Sains), Siti Farah Hanin Samsudin (semester satu, Diploma Rekabentuk dan Permainan Kanak-kanak) serta Nurhidayah Sanusi memenangi pingat gangsa bagi kategori silat seni (regu putera). Pada kejohanan yang sama, bagi kategori IPT tempatan, pasukan UPSI berjaya membawa pulang tiga emas, dua perak dan empat gangsa sekaligus dinobatkan naib juara keseluruhan kategori IPT tempatan.

Sebanyak 48 IPT terbabit dalam kejohanan ini dan UPSI bersaing rapat dengan pasukan Politeknik Ungku Omar (tempat ketiga) dan tempat pertama Kolej Komuniti Pahang (Rompin).

UPSI dibarisi oleh Nurdiyana Muhamad Ayang dinobatkan Pesilat Terbaik IPT Tempatan, Nursyuhadah Sailan, Siti Fatimah Zulkifli, Siti Arfiyah Abdul Jalil, Nur Syafidah Johan, Muhammad Taqiuddin Dzulkrinain, Zunur Ain Mustam serta Raihani Abu Bakar.



Kejayaan Atlit Universiti Pendidikan Sultan Idris

2 PESILAT UPSI telah mewakili MALAYSIA dalam International Tournament of Pencak Silat "Open Uzbekistan 2013".

KELAS A PUTERA (SILAT OLAHRAGA)
MOHAMED FIKRY BIN MOHAMED NOH
pingat EMAS

KELAS C PUTERA (SILAT OLAHRAGA)
MUHAMAD SAIFUL SYAZWAN BIN RAHMAT
pingat EMAS.

Kayuh Basikal Didik Pembayar Cukai

Tanjong Malim - Bahagian Komunikasi Korporat (BKK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bekerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi menjayakan kempen pembayaran cukai.

Seramai 15 kakitangan LHDN Negeri Perak dan 30 dari LHDN Selangor mengayuh basikal *mountainbike* dalam acara 'Le Tour De Hasil 2013' (LTDH2013) pada 28 Oktober 2013 bagi merapatkan hubungan agensi berkenaan dengan masyarakat.

Sejurus ketibaan pengayuh dari LHDN Perak, Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa

bersama Pengarah LHDN Selangor, Romli Abd Hamid dan Pengarah Cawangan Taiping, Aziz Din kemudian melepaskan pengayuh LHDN Selangor di perkarangan Bangunan Canselori, UPSI menuju Kuala Kubu Baru.

Pengarah BKK, Dr. Zainab Othman berkata selepas itu diadakan majlis ceramah 'E-Filing, E-Bayaran' oleh pegawai LHDN yang memberi manfaat kepada kakitangan UPSI memperoleh maklumat berkaitan proses pembayaran cukai pendapatan.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Datuk Paduka Dr. Junaidi Abu Bakar.



Prof. Dato' Dr. Zakaria dan Romli (kanan) melepaskan peserta kayuhan Le Tour De Hasil 2013 di perkarangan Bangunan Canselori UPSI untuk ke Kuala Kubu Bharu.



Prof. Dato' Dr. Zakaria (kiri) menerima cenderamata daripada Pengarah LHDN Selangor, Romli Abd Hamid.



Sebahagian pengayuh LHDN Perak tiba di perkarangan Bangunan Canselori UPSI.



Sambutan Martabatkan Bahasa Melayu

Tanjong Malim-Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Sektor Pendidikan 2013, yang diadakan di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Sultan Idris.

Majlis anjuran bersama Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertemakan '1BAHASA, 1BANGSA, 1NEGARA' itu berlangsung pada 26 Oktober 2013.

Pengarah program, Prof. Madya Dr. Sanat Md Nasir berkata program itu diadakan bertujuan untuk memantap, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia, menguatkan rasa megah terhadap bahasa kebangsaan, mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa melalui bahasa kebangsaan dan menyemarakkan peranan bahasa kebangsaan sebagai tonggak pembinaan negara bangsa.

Sempena sambutan diadakan Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu yang berlangsung pada 26 dan 27 Oktober 2013 yang

menyaksikan pembentangan kertas kerja oleh tokoh-tokoh bahasa Melayu tersohor negara ini.

Persidangan bertemakan "Memperkasakan Bahasa Melayu Melalui Penyelidikan" itu juga, katanya, memperlihatkan sokongan terhadap kerajaan dalam melaksanakan perancangan, penstrukturan, memperkukuhkan semula pedagogi dalam organisasi pendidikan khususnya serta memartabatkan Bahasa Melayu terutamanya dalam sektor pendidikan negara.

Majlis perasmian penutupan persidangan serentak dengan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Perak disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir pada 27 Oktober 2013 di Dewan SITC.

Persidangan membabitkan subtema perbincangan berkaitan pendidikan bahasa, penggunaan bahasa Melayu dalam sektor swasta, penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi, penggunaan teknologi dalam pembinaan bahan bahasa Melayu, dokumentasi bahan bahasa Melayu, korpus bahasa Melayu, kesinambungan tatabahasa bahasa Melayu serta subdisiplin bahasa Melayu yang lain.



UPSI Terima Geran RM 1.5 juta Kaji Obesiti

Pasukan penyelidik dari Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSKj), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang diketuai oleh Dr. Norkhalid Salimin dan dibantu oleh Prof. Madya Dr. Md Amin Md Taff, Dr. Gunathevan Elumalai, Yusop Ahmad dan Nuzsep Almigo menerima geran bernilai RM1.5 juta daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) untuk membuat kajian program keberkesanan program gaya hidup sihat dalam kalangan remaja yang mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris berkata UPSI sebagai universiti pendidikan begitu prihatin dalam mendidik masyarakat dalam penjagaan kesihatan sejak peringkat awal. Sehubungan itu, projek kajian yang bakal dijalankan berkaitan isu obesiti dan kadar peratusan lemak (*Body Fat Percentage*) tubuh badan dalam kalangan remaja sekaligus melaksanakan program latihan bagi mengatasi isu obesiti tersebut.

“Melalui kajian ini, kita dapat membantu negara menghasilkan remaja yang sihat dan berminda positif ke arah membentuk rakyat Malaysia yang berdaya saing,” katanya.

Obesiti, katanya, satu gejala yang sangat membahayakan kesihatan dan penyelidik UPSI mempunyai kepakaran membantu pihak JLKN menjayakan kajian ini.

Beliau berkata hasil kajian itu, satu modul bertajuk ‘Manual Program Gaya Hidup Sihat PLKN’ berkaitan penjagaan kesihatan bagi mengatasi masalah obesiti khususnya dalam kalangan remaja akan diterbitkan untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada jurulatih fizikal serta pelatih PLKN di seluruh negara. Sehubungan itu, UPSI akan menganjurkan empat siri untuk jurulatih fizikal PLKN dari seluruh negara yang melibatkan 81 kem PLKN dan dijangkakan 370 orang terlibat bermula bulan April 2013. Kajian keberkesanan program gaya hidup sihat PLKN ini bermula pada siri 3/2013 bulan September 2013.



Prof Dato' Dr. Noraini (empat dari kanan) menyerahkan cenderahati kepada Timbalan Ketua Pengarah Latihan, Jabatan Latihan Khidmat Negara, Awang Alik Jeman, sempena mesyuarat penyelarasan kajian program keberkesanan gaya hidup sihat PLKN di Bilik mesyuarat utama, JLKN, Wisma ZETRO, Setiawangsa, Kuala Lumpur.

Program Penghijauan Bumi

TANJONG MALIM, KSAS - Bagi menyahut seruan kerajaan untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan bumi hijau. UPSI-MTIB-TESCO memeterai perjanjian pada 28 April 2013 yang lalu. Melalui perjanjian tersebut UPSI akan menyediakan tapak tanaman, MTIB menjadi pakar rujuk dan penasihat dari aspek teknikal (proses penanaman pokok, kualiti tanah serta proses inokulasi), manakala TESCO akan membekalkan benih pokok karas atau lebih dikenali dengan nama pokok gaharu.

Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa menyatakan "melalui program penghijauan bumi, sebanyak 25,000 batang pokok karas akan ditanam di atas kawasan seluas 10 hektar di sekitar Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City. Penanaman pokok karas juga mampu memelihara struktur tanah dan meningkatkan kualiti tanah". Para pensyarah juga berpeluang membuat kajian dan inovasi dalam industri gaharu Negara. Kolaborasi yang terjalin antara

UPSI, MTIB dan TESCO membuktikan komitmen UPSI dalam merealisasikan program Knowledge Transfer Partnership (KTP).

Pengarah Kerajaan dan Hal Ehwal Korporat TESCO, En. Azlan Shah, menyatakan "pihaknya menyasarkan untuk menanam setengah juta pokok melalui inisiatif seperti itu di seluruh Negara menjelang tahun 2014". Menurutnya lagi dana menjayakan projek tanggungjawab sosial korporat TESCO hasil daripada jualan beg plastik sepanjang Hari Tanpa Beg Plastik di premisnya di seluruh Negara.

Sempena majlis tersebut, diadakan Larian Alam Sekitar dan Pameran oleh para penyelidik UPSI, MTIB dan TESCO. Larian yang mendapat sambutan di luar jangkaan daripada seluruh warga kampus dan masyarakat setempat.



Perak Expo For Young Scientist 2013 Rangsang Budaya Sains dan Inovasi

UPSI - Dalam menyokong usaha melahirkan tenaga mahir bidang sains dan teknologi pada masa hadapan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di bawah Fakulti Sains dan Matematik dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak, K-Perak dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak menganjurkan Perak Expo For Young Scientist 2013 pada 13 hingga 15 September 2013 bertempat di Fakulti Sains dan Matematik, UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Menurut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa melalui pertandingan projek penyelidikan tersebut, pelajar dan guru akan terdedah dengan aktiviti *hands-on dan minds-on* yang menjadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan.

“Usaha ini dapat menggalakkan amalan penyelidikan saintifik dalam kalangan pelajar dan guru sekolah, baik di sekolah rendah dan menengah. Tema ‘Jom Terokai Sains’ adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam menarik minat pelajar untuk memilih aliran sains dan teknologi sebagai laluan kerjaya pada masa hadapan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, inisiatif berkala ini selaras dengan aspirasi MOSTI untuk merangsang budaya sains dan inovasi bagi menyediakan suatu persekitaran konduktif kepada pembangunan modal insan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing untuk menyumbang secara produktif kepada negara, bangsa dan negara.

Program yang menerima 40 penyertaan dalam pelbagai kategori daripada pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negeri Perak ini turut diisi dengan aktiviti pelajar “Fun With Science” dan sesi Saintis Bersama Pelajar iaitu YBhg. Prof. Dr. Maslina Darus (Universiti Kebangsaan Malaysia), Penerima Anugerah Saintis Muda Negara 2002.

Senarai Pemenang Kategori Sekolah Rendah

- Pertama – Sekolah Kebangsaan Tarcisian Convent, Ipoh
- Kedua – Sekolah Kebangsaan Bandar Behrang 2020
- Ketiga – Sekolah Kebangsaan Sultan Abdullah
- Saguhati Keempat – Sekolah Kebangsaan Bandar Behrang 2020
- Saguhati Kelima – Sekolah Kebangsaan Bandar Behrang 2020
- Saguhati Keenam – Sekolah Kebangsaan Seri Manjung

Kategori Biologi/ Sains (Sekolah Menengah)

- Pertama – Sekolah Menengah Kebangsaan Doktor Megat Khas
- Kedua – Sekolah Raja Perempuan Taayah
- Ketiga – Sekolah Raja Perempuan Taayah
- Saguhati Keempat – Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad
- Saguhati Kelima – Sekolah Raja Perempuan Taayah
- Saguhati Keenam – Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Ipoh

Kategori Fizik (Sekolah Menengah)

- Pertama – Sekolah Raja Perempuan Taayah
- Kedua – Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Ipoh
- Ketiga – Sekolah Agama Izzuddin Shah
- Saguhati Keempat – Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Ipoh
- Saguhati Kelima – Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist Tanjong Malim
- Saguhati Keenam – Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Iskandar

Kategori Kimia (Sekolah Menengah)

- Pertama – Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tasik
- Kedua – Sekolah Menengah Kebangsaan Jelapang Jaya
- Ketiga – Sekolah Raja Perempuan Taayah
- Saguhati Keempat – Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah
- Saguhati Kelima – Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tasik
- Saguhati Keenam – Maktab Rendah Sains Mara Felda Sungkai

Kategori Teknologi Dan Rekacipta/ Matematik (Sekolah Menengah)

- Pertama – Kolej Vokasional Slim River
- Kedua – Sekolah Menengah Kebangsaan King Edward VII
- Ketiga – Sekolah Menengah Sains Tapah
- Saguhati Keempat – Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah
- Saguhati Kelima – Sekolah Tuanku Abdul Rahman
- Saguhati Keenam – Sekolah Menengah Sains Tapah



Perak Expo For Young SCIENTIST 2013



Majlis Perasmian Penutupan Perak Expo For Young Scientists 2013 oleh Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (Tengah)

Kompleks NCDRC PERKASA PEMBELAJARAN, PENYELIDIKAN

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memiliki Kompleks Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) yang serba lengkap untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan bidang pendidikan awal kanak-kanak di negara ini.

Ketika berucap pada majlis penyerahan kunci kompleks berkenaan di Kampus Sultan Azlan Shah, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata kompleks itu menjadi pusat rujukan kebangsaan bagi menjalankan penyelidikan-penyelidikan berkaitan dengan perkembangan dan pembangunan kanak-kanak.

“Dengan adanya kompleks ini diharapkan dapat melahirkan generasi berdaya saing pada masa hadapan sekaligus menyediakan bentuk pendidikan yang lebih berkualiti pada masa hadapan,” katanya.

Justeru, katanya, perhatian harus diberikan kepada kalangan pendidik supaya dapat melahirkan insan yang berkualiti akan menjadi warganegara yang cemerlang.

Beliau berkata NCDRC berperanan membantu Majlis Penyelaras Dasar Permata Negara dalam melaksanakan Program Perintis “Setiap Anak Permata Negara”.

“Pendidikan adalah wadah penting dalam menjana anjakan paradigma setiap individu bagi tujuan melahirkan kanak-kanak yang serba berkebolehan dalam menjalani aspek kehidupan pada masa kini.”

Kompleks berkenaan mula dibina di atas tanah seluas 2.50 ekar dengan kos projek bernilai RM 6,940,000 merangkumi Blok Pentadbiran, Blok Taska, Blok Tadika dan Blok Gunasama pada 15 Jun 2011 dan siap sepenuhnya pada 28 Februari 2013.

Pengarah Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), Prof. Dr. Sophia Md Yassin bagi pihak UPSI menerima replika kunci daripada Pengarah Merger Network Malaysia Sdn. Bhd., Jamel C. Ahmad.

Hadir sama Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda, Ir. Damanhuri Othman.

Prof. Dr. Sophia berkata pusat berkenaan berperanan membantu kerajaan memurnikan dan menggubal dasar-dasar baharu yang bersesuaian dengan pengasuhan, kebajikan dan pendidikan awal kanak-kanak.

“Pusat ini juga turut diberi kepercayaan untuk memantau pelaksanaan program perintis Pusat Anak Permata Negara (PAPN) kelolaan Jabatan Perdana Menteri yang kini sedang diperluaskan ke seluruh negara.”

Di Pusat NCDRC, katanya, selain Kurikulum PERMATA, diterapkan juga elemen yang menggunakan *Content Language Integrated Learning, Project Approach, Inovative Technology Learning dan Moral Values*.

“NCDRC juga berperanan menggubal kurikulum dan modul Projek PERMATA, menjalankan latihan kepada pendidik dan jurulatih PERMATA, mewujudkan sistem pangkalan data kanak-kanak, mengendalikan seminar, forum, ceramah, mengadakan program *outreach*, dan menerbitkan bahan-bahan yang berkaitan pendidikan awal kanak-kanak,” katanya.




Dr. Sophia menerima replika kunci daripada Jamel sambil disaksikan Prof. Dato' Dr. Zakaria dan Tn. Hj. Damahuri (dua dari kanan).




Kompeks NCDRC yang tersergam di Kampus Sultan Azlan Shah

Terbitan UPSI 2014




Kata Sendi Nama Bahasa Arab: Terjemahannya ke dalam Bahasa Melayu

Penulis	: Azman Che Mat
ISBN	: -
Terbitan	: 2014
Harga	: RM 35.00
Sinopsis	: Membincangkan penggunaan dan kaedah menterjemahkan struktur ayat Bahasa Arab yang menggunakan kata sendi nama iaitu satu kategori kata yang penting dalam bahasa Arab. Dengan menggunakan kaedah deskriptif dan penghurian linguistik perbandingan (kontrasif Arab-Melayu) diyakini dapat membantu pengamal penterjemahan untuk menterjemahkan kata sendi nama bahasa Arab-Melayu dengan tepat.




Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas

Penulis	: Mohd Zuri Ghani
ISBN	: -
Terbitan	: 2014
Harga	: RM 25.00
Sinopsis	: Pengalaman dan teori hasil pembacaan penulis dalam menangani kanak-kanak khas membuah penulisan <i>Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas</i> ini. Penggabungan antara pengalaman penulis dan teori yang dikemukakan dalam buku ini cuba membawa pembaca untuk memahami dengan lebih jelas mengenai kanak-kanak berkeperluan khas. Perbincangan mengenai teori, model, terapi, strategi, proses pengajaran dan pembelajaran, penglibatan ibu bapa serta ahli profesional dalam berhadapan dengan kanak-kanak berkeperluan khas telah sedikit sebanyak memberi pendedahan kepada pembaca agar lebih memahami keperluan kanak-kanak khas. Cadangan dan pendedahan kepada pembaca agar lebih peka dan turut sama memainkan peranan sebagai masyarakat dalam melakar masa depan yang lebih bermakna kepada mereka yang berkeperluan khas. Selain itu, pembaca juga turut didedahkan dengan senario yang mungkin boleh diguna pakai atau diaplikasikan dalam berhadapan dengan mereka yang berkeperluan khas. Kebolehan dan hak keistimewaan mereka tidak seharusnya diketepikan. Mereka juga merupakan insan yang harus dibela dan diberi pendidikan yang sewajarnya.



Kemahiran Al-Quran

Penulis	: Abd Rahman Abd Ghani Al-Hafiz
ISBN	: -
Terbitan	: 2014
Harga	: RM 35.00
Sinopsis	: Membaca Al-Quran berpandukan ilmu tajwid merupakan satu ibadah yang sangat mulia di sisi SWT. Membaca Al-Quran tanpa ilmu tajwid pula suatu penyelewengan terhadap kita suci Al-Quran. Oleh itu. Oleh itu buku ini memberi sedikit kelainan dalam memahami dan mempelajari ilmu tajwid. Setiap hukum dan cara bacaannya diberikan penerangan dan percontohan yang jelas diperkukuhkan dengan dalil yang dihujahkan oleh tiga matan ilmu tajwid iaitu <i>Matan Tuhfah al-Atfal</i> (karangan Sulaiman al-Jamzuri), <i>Matan al Jazariyyah</i> (karangan Ibn al-Jazari) dan <i>Matan as-Syatibiyyah</i> (karangan Imam as-Syatibi) untuk meyakinkan pembaca al-Quran tentang kaedah bacaan yang sepatutnya diamalkan.



Numerasi Sekolah Rendah

Penulis : Siti Rahaimah Ali & Noraini Idris


ISBN : 978-967-0480-00-0

Terbitan : 2014

Harga : RM 00.00

Sinopsis : *Numerasi Sekolah Rendah* ialah sebuah buku yang membincangkan penggunaan model peringkat kefahaman numerasi untuk mengetahui peringkat kefahaman murid sekolah rendah dalam numerasi. Model peringkat kefahaman numerasi ini adalah diharapkan menjadi panduan kepada guru bagi murid yang berada pada Tahun Empat kerana mereka ini telah selesai menjalani program LINUS (Literasi dan Numerasi) semasa mereka berada pada Tahun Satu sehingga Tahun Tiga, jadi melalui model ini diharapkan agar pada Tahun Empat diteruskan dengan model peringkat kefahaman numerasi untuk melihat peringkat perkembangan dalam proses pemikiran kreatif dalam menjawab soalan-soalan dalam numerasi.

Selain penerangan tentang model peringkat kefahaman numerasi, buku ini juga menerangkan senario numerasi di Malaysia, kurikulum sekolah, proses pengajaran dan pembelajaran, teori-teori yang terlibat, nombor, asas pengiraan, pengukuran, bentuk dan ruang, kerangka model peringkat kefahaman numerasi dan penilaian.



Senario Menjalankan Kajian Inkuiri Naratif


Penulis : Noor Aini Ahmad

ISBN : 978-967-0480-45-9

Terbitan : 2014

Harga : RM 00.00

Sinopsis : *Senario Menjalankan Kajian Inkuiri Naratif* merupakan garapan pengalaman sebenar penulis sepanjang pengajian di peringkat doktor falsafah. Buku ini ditulis berdasarkan refleksi penulis sewaktu menjalankan kajian inkuiri naturalistik menggunakan kaedah inkuiri naratif. Naratif disusun secara santai untuk dikongsi bersama masyarakat terutama pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat sarjana muda, sarjana serta doktor falsafah dan sedang bertungkus lumus menyiapkan tesis, disertasi atau kertas projek masing-masing. Autobiografi ini menjelaskan episod kehidupan personal penulis tatkala menyiapkan laporan akhir tesis beliau. Penulis berkongsi sekelumit kisah hidupnya menerusi naratif yang digarap secara telus dan terperinci bagi memaparkan kisah privasi yang selama ini menjadi rahsia peribadi sepanjang pengajian beliau. Menerusi kisah yang dipaparkan, penulis menitipkan nasihat agar dapat dimanfaatkan oleh pembaca supaya pembaca tidak melakukan kesilapan yang sama pernah dilakukan sepanjang pengajian beliau. Kajian naratif inkuiri merupakan satu kaedah penyelidikan bagi mencari jalan penemuan atau menyelesaikan masalah berdasarkan data yang dikumpul oleh pengkaji sebagai alat kajian ketika melakukan temu bual, pemerhatian dan penganalisan bukti dokumen. Kajian naratif inkuiri memberi peluang kepada pengkaji untuk memerhati satu kelompok manusia secara lebih menyeluruh bagi melihat fenomena yang berlaku secara semula jadi.



Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan

Penulis : Hamidah Yusof, Jamal Yunus & Khalip Musa

ISBN : -

Terbitan : 2014

Harga : RM 00.00

Sinopsis : Perkara asas dalam penyelidikan yang disentuh secara lengkap dengan disertakan percontohan berkenaan bidang pengurusan pendidikan ini sesuai dijadikan panduan, rujukan dan sampel untuk menjalankan penyelidikan dalam pengurusan pendidikan di Malaysia.

Perkara-perkara asas penyelidikan dalam pengurusan pendidikan ini diuraikan secara terperinci untuk penyelidik memahami konsep, proses, faedah dan memahami elemen dalam penyelidikan bagi memudahkan untuk memilih jenis penyelidikan, reka bentuk, metode, analisis dan penulisan yang berkesan bagi meningkatkan kualiti dan meningkatkan pembangunan pengurusan penyelidikan.

Panorama UPSI

